

## K'jaan belanja RM4.9 billion setahun tangani diabetes

SEREMBAN: Kerajaan terpaksa membelanjakan RM4.9 bilion setahun bagi melaksanakan usaha menangani penyakit diabetes dalam negara, yang dilihat begitu membimbangkan, dan dianggarkan ketika ini 3.9 juta rakyat dewasa menghidap penyakit berkenaan.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019 juga mendapat prevalensi diabetes dalam kalangan dewasa berumur 18 tahun ke atas menunjukkan peningkatan iaitu daripada 11.2 peratus pada 2011, dan 13.4 peratus pada 2015 kepada 18.3 peratus pada 2019.

Justeru, beliau berkata usaha berteru-

san melibatkan semua pihak berkaitan penting dalam menangani penyakit ini termasuk menerusi pengajuran Kohort SeDia iaitu pengumpulan data jangka panjang untuk memahami interaksi kompleks antara gaya hidup, persekitaran, genetik dan pembangunan sosio-ekonomi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program 'Kohort Diabetes Seremban' (SeDia) dengan kerjasama KKM dan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) yang merupakan kajian kohort berskala besar pertama menumpukan kepada pesakit diabetes, di sini, Sabtu. — Bernama